

PENJELASAN : ISU PERBEZAAN PENETAPAN 1 ZULHIJJAH 1443 H ANTARA MALAYSIA DAN ARAB SAUDI DAN PENETAPAN WAKTU IBADAH PADA BULAN ZULHIJJAH 1443 H

Oleh : Dr. Raihana Binti Abdul Wahab,
AJK Falak Negeri Perak Darul Ridzuan.

Pendahuluan

Pada 29 Jun 2022 M bersamaan 29 Zulkaedah 1443 H, Penyimpan Mohor Besar Raja-raja telah mengumumkan bahawa 1 Zulhijjah 1443 H jatuh pada 1 Julai 2022 M iaitu hari Jumaat. Ini bermakna 9 Zulhijah 1443 H akan jatuh pada 9 Julai 2022 M iaitu hari Sabtu. Manakala Hari Raya Idil Adha akan disambut pada 10 Zulhijah 1443 H bersamaan 10 Julai 2022 M iaitu hari Ahad.

Namun pada tahun ini terdapat perbezaan 1 hari dalam tarikh penetapan 1 Zulhijjah 1443 H di antara Malaysia dan Arab Saudi, di mana Arab Saudi telah mengumumkan 1 Zulhijjah dimulakan pada 30 Jun 2022 M iaitu pada Khamis. Ini bermakna 9 Zulhijjah 1443 H akan jatuh pada 8 Julai 2022 M iaitu hari Jumaat, manakala 10 Zulhijah 1443H akan jatuh pada 9 Julai 2022 M iaitu hari Sabtu.

Penetapan 1 Zulhijjah 1443 H menggunakan Kaedah Rukyah dan Hisab berdasarkan Kriteria Imkanur Rukyah dan Matla'

Bermula 16 Jun 1994 Malaysia telah menggunakan kaedah Rukyah dan Hisab berdasarkan Imkanur Rukyah dalam penetapan hari raya Idil Adha. Sebelum itu Malaysia cuma berpandukan perisytiharan hari wukuf oleh kerajaan Arab Saudi. Berdasarkan keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam muzakarah kali-30 pada 20 Ogos 1992 menyatakan :

“ Kaedah penetapan Idil Adha di Malaysia yang berdasarkan tarikh hari wukuf di Arafah dipinda kepada kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah kerana kaedah rukyah anak bulan Zulhijjah lebih sesuai diamalkan di negara ini.”

Ini adalah kerana mengambil kira matla' atau tempat terbit yang berbeza antara Malaysia dan Arab Saudi. Matla bermaksud kawasan yang berada pada jangka masa waktu terbit dan terbenam matahari serta bulan yang hampir sama, atau lebih mudah difahami, ia bermaksud negara yang berkongsi waktu siang dan malam mereka. Kedudukan Malaysia dan Arab Saudi yang berbeza tidak memungkinkan kita dapat menggunakan matla' yang sama.

Kaedah ini juga adalah bertepatan dengan hadis diriwayatkan oleh Kuraib:

رَأَيْتُ الْهِلَالَ بِالشَّامِ ثُمَّ قَدِمْتُ الْمَدِينَةَ فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: مَتَى رَأَيْتُمُ الْهِلَالَ؟ قُلْتُ: لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ، قَالَ: أَنْتَ رَأَيْتَهُ؟ قُلْتُ: نَعَمْ وَرَأَاهُ النَّاسُ وَصَامُوا، وَصَامَ مُعَاوِيَةُ فَقَالَ: لَكِنَّا رَأَيْنَاهُ لَيْلَةَ السَّبْتِ فَلَا نَزَالَ نَصُومُ حَتَّى نُكْمِلَ الْعِدَّةَ. فَقُلْتُ: أَوْ لَا تَكْتَفِي بِرُؤْيِيهِ مُعَاوِيَةَ وَصِيَامِهِ؟ قَالَ: لَا، هَكَذَا أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Maksudnya: "Aku melihat anak bulan di Syam pada malam Jumaat, kemudian aku pulang ke Madinah, lalu ibn 'Abbas bertanya kepadaku: 'Bilakah kamu melihat anak bulan?' Aku menjawab: 'Kami melihat pada malam Jumaat', ibn 'Abbas bertanya lagi: 'Adakah engkau sendiri melihat anak bulan itu?', Aku menjawab: 'Ya, orang lain pun melihatnya dan mereka juga berpuasa, Mu'awiyah turut berpuasa.' Ibn 'Abbas berkata, 'Kami di sini melihat anak bulan pada malam Sabtu, oleh itu kami terus berpuasa sehingga kami sempurnakan 30 hari Ramadhan', Aku bertanya, 'Tidakkah memadai bagi kamu dengan anak bulan yang dilihat oleh Mu'awiyah dan puasanya?' Ibn 'Abbas menjawab, 'Tidak! Beginilah caranya Rasulullah SAW menyuruh kami berbuat demikian."


(Riwayat Muslim)

Data Kedudukan Hilal Anak Bulan Pada 29 Zulkaedah 1443 H

Secara khususnya hal ini berlaku kerana data hilal anak bulan pada 29 Zulkaedah 1443H di Malaysia adalah lebih rendah dari Arab Saudi. Berdasarkan data hilal anak bulan yang dikeluarkan Accurate Time 5.5, tinggi hilal anak bulan di Ipoh, Malaysia ketika matahari terbenam ialah $03^{\circ} 31' 44''$, berbanding di Mekah, Arab Saudi ialah $05^{\circ} 45' 18''$. Begitu juga dengan sudut elongasi bulan – matahari di Ipoh, Malaysia ialah $05^{\circ} 32' 48''$ berbanding di Mekah, Arab Saudi ialah $07^{\circ} 15' 33''$.

Jika perbandingan umur pula, umur hilal anak bulan ketika ia terbenam di di Ipoh, Malaysia ialah 08 jam 39 minit berbanding di Mekah, Arab Saudi ialah 13 jam 18 minit. Berdasarkan perbezaan ketara inilah menunjukkan bahawa hilal anak bulan di Arab Saudi mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dan mudah untuk dirukyah berbanding di Malaysia. Arab Saudi mempunyai potensi kebolehnampakan yang tinggi berbanding di Malaysia. Ini adalah disebabkan lokasi Arab Saudi yang terletak pada kedudukan yang lebih barat berbanding negara kita menyebabkan peluang untuk anak bulan kelihatan di negara berkenaan adalah lebih tinggi berbanding di negara kita. Justeru, ketika anak bulan dicerap pada waktu matahari terbenam di Arab Saudi, kedudukan anak bulan tersebut adalah lebih tinggi berbanding di Malaysia. Oleh itu, kemungkinan peluang untuk anak bulan dapat dilihat adalah lebih tinggi di Arab Saudi berbanding di negara kita.

Hal ini juga boleh difahami dengan mudah apabila merujuk kepada Rajah 1 dibawah:



Rajah1: Kebolehnampakan Anak Bulan di dunia pada 29 Zulkaedah 1443H bersamaan 29 Jun 2022M berdasarkan Accurate Times, Mohamad Odeh

- kawasan lorekan berwarna merah menunjukkan bahawa anak bulan mustahi untuk kelihatan
- kawasan yang tidak berwarna menunjukkan anak bulan sukar untuk kelihatan.
- Kawasan yang dilorekkan berwarna biru, anak bulan mungkin kelihatan menggunakan bantuan optik seperti teleskop
- Kawasan yang dilorekkan berwarna ungu, anak bulan boleh kelihatan menggunakan mata
- Kawasan yang dilorekkan berwarna hijau anak bulan boleh kelihatan dengan mudah menggunakan mata.

Melalui Rajah 1 ini, Malaysia khususnya Negeri Perak adalah terletak dalam kawasan B yang tidak berwarna dan Arab Saudi khususnya Mekah berada pada kawasan C. Oleh sebab itu, dapatlah disimpulkan bahawa Malaysia dan Arab Saudi mempunyai matla' yang berbeza. Natijahnya, kita wajib mengikut hasil cerapan anak bulan di negara kita bagi menentukan masuknya bulan Zulhijjah, bukan mengikut hasil cerapan anak bulan di negara Arab Saudi kerana faktor perbezaan matla' di antara dua negara yang boleh menyebabkan perbezaan hasil cerapan anak bulan.

Kesimpulan

Maka berdasarkan penjelasan di atas maka umat Islam di Malaysia perlulah melaksanakan ibadah-ibadah di dalam bulan Zulhijjah berdasarkan ketetapan pemerintah di Malaysia. Secara ringkasnya tarikh-tarikh ibadah dalam bulan Zulhijjah 1443 ini adalah seperti berikut :

Bil.	Ibadah	Tarikh Hijri	Tarikh Masihi	Hari
1.	Puasa 9 Zulhijjah	9 Zulhijjah	9 Julai	Sabtu
2.	Hari Raya Idil Adha	10 Zulhijjah	10 Julai	Ahad
3.	Hari-hari Tasyrik	11-13 Zulhijjah	11-13 Julai	Isnin - Rabu